

4



Doa Selamat dan Ramah
Mesra Bersama Bakal
Jemaah Haji

20



Kurnia Tambang Haji
Kepada 16 Saudara Baharu



BERITA UTAMA

BERKENAN MENERIMA
JUNJUNG ZIARAH BAKAL-BAKAL
JEMAAH HAJI

>>3

مساهمین MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah

MEI 2023M

Syawal - Zulkaedah 1444H
Tahun 35 • Bil 5

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
MEI
35
Orang

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ● Rombongan Awal 12 Pegawai Urusan Haji Berlepas Ke Tanah Suci ● KHEU Raikan Pelajar, Guru Cemerlang ● Ramah Mesra Hari Raya 'Aidilfitri KHEU ● Ramah Mesra Hari Raya 'Aidilfitri Bersama Muallaf Bagi Daerah Belait ● Kunjungan Hormat Daripada BAGO Kepada SUT KHEU | <ul style="list-style-type: none"> 5 ● Ramah Mesra Hari Raya 'Aidilfitri Bersama Muallaf Temburong 6 ● Sentiasa Beristighfar, Mohon Keampunan Dari Allah 7 ● Hubungan Dua Hala PDI Dengan Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan, KDN Malaysia 8 ● Bengkel Syahadah Bagi Pegawai-Pegawai Pusat Da'wah Islamiah 9 ● 16 Muallaf Sertai Kursus Bimbingan Asas Persediaan Haji |
|---|--|


www.kheu.gov.bn

pdi@mora.gov.bn


2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH BAKAL-BAKAL JEMAAH HAJI

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji bagi musim haji tahun 1444H/ 2023M.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 4 Zulkaedah bersamaan
24 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji negara bagi musim haji tahun 1444H/ 2023M.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Seramai 1,035 orang bakal jemaah haji, iaitu terdiri daripada 485 bakal jemaah haji lelaki; dan 550 bakal jemaah haji perempuan. Jumlah tersebut termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu pentadbiran

dan perubatan dan juga Pegawai Pengiring Syarikat-syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji mengadap dan junjung ziarah kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah di Istana Nurul Iman, bakal jemaah haji negara telah menuai Sembahyang Fardhu Zuhur berjemaah dan menikmati jamuan tengah hari.

Pada majlis itu, bakal jemaah haji negara telah menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian ihram bagi jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah haji perempuan.



BAKAL jemaah haji negara telah menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian ihram bagi jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah haji perempuan.

Bagi musim haji tahun ini terdapat lima buah syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji iaitu Darussalam Services Sdn Bhd, Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd, Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd, At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd dan Titian Travel & Tours Sdn. Bhd.

Penerbangan bakal jemaah haji Negara akan bermula pada hari Ahad, 15 Zulkaedah 1444H bersamaan 4 Jun 2023M, jam 9:10 pagi.

Anggota Redaksi



Lidah
Pengarang

REBUT PELUANG PUASA ENAM HARI

Di bulan Ramadhan, kita berpeluang untuk mengerjakan amalan-amalan sunat seperti sembahyang Tarawih, Witir, bertadarus atau membaca al-Qur'an, bersedekah dan sebagainya. Begitu juga di bulan Syawal kita berpeluang mengerjakan amalan sunat iaitu amalan puasa sunat enam hari di bulan Syawal.

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal itu boleh dibuat secara berturut-turut mulai 2 hingga 7 syawal dan boleh juga dikerjakan secara berselang-seli mengikut kemampuan masing-masing, seligamna masih berada di dalam bulan Syawal. Puasa sunat enam di bulan Syawal memiliki pahala yang sangat besar sebagaimana dalam sebuah hadits Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Ayub al-Ansari *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya:

Barangsiaapa berpuasa di bulan Ramadhan lalu diikuti dengan puasa enam hari sesudah masuk bulan Syawal, maka seolah-olah ia berpuasa setahun penuh.

Justeru antara kelebihan berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal itu adalah menyamai sepertimana kita berpuasa sepanjang tahun. Puasa sunat enam hari di bulan syawal itu juga ibarat sembahyang sunat Rawatib yang berfungsi menutupi dan menambalkan kekurangan-kekurangan ketika menjalani puasa di bulan Ramadhan. Keikhlasan seorang muslim untuk berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal merupakan salah satu tanda bahawa Allah menerima ibadah dan puasanya di bulan Ramadhan. Ibadah yang kita laksanakan di bulan Ramadhan itu tidak terhenti dengan berakhirnya bulan Ramadhan bahkan berterusan dengan mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal sebagai tanda syukur kita atas ni'mat Allah yang banyak kepada kita. Maka rebutlah peluang ini dengan sebaiknya kerana puasa sunat enam hari di bulan Syawal berserta kelebihan-kelebihannya hanya hadir setahun sekali.

DOA SELAMAT DAN RAMAH MESRA BERSAMA BAKAL JEMAAH HAJI

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

GADONG, Selasa, 10 Zulkaedah bersamaan 30 Mei - Jabatan Urusan Haji Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji telah mengadakan Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji Tahun 1444H /2023M yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama bersama Datin.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Tuan Yang Terutama Emad bin Abdulaziz Al-Muhanna, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal semasa bersalam dan beramah mesra bersama bakal jemaah haji.

Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta pengurus-pengurus Syarikat Pengendali Haji dan Umrah yang akan mengendalikan

perkhidmatan pakej haji pada musim haji tahun 1444H/2023M.

Majlis Doa Selamat tersebut adalah untuk bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji bagi musim haji tahun 1444H/2023M setelah selesai mengikuti kursus ibadat haji dan umrah.

Majlis juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim serta memohon ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar bakal jemaah haji sentiasa mendapat perlindungan dan keselamatan serta dipermudahkan segala urusan sepanjang berada di tanah suci.

Seramai 1,000 orang bakal jemaah haji akan menunaikan ibadat haji ke Tanah Suci pada musim haji tahun 1444H/2023M manakala sebanyak lima buah Syarikat Pengendali Pakej Haji dan Umrah akan mengendalikan perkhidmatan haji. ■



ANTARA bakal jemaah haji yang hadir pada majlis berkenaan.

ROMBONGAN AWAL 12 PEGAWAI URUSAN HAJI BERLEPAS KE TANAH SUCI

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



BACAAN Doa selamat bagi 12 orang rombongan awal (Advance Party) Pejabat Urusan Jemaah Haji (PUJH) Negara Brunei Darussalam Pentadbiran dan Perubatan bagi musim haji tahun 1444H/2023M bertolak ke Arab Saudi.

BERAKAS, Khamis, 5 Zulkaedah bersamaan 25 Mei - Seramai 12 orang rombongan awal (Advance Party) Pejabat Urusan Jemaah Haji (PUJH) Negara Brunei Darussalam Pentadbiran dan Perubatan bagi musim haji tahun 1444H/2023M yang terdiri daripada empat orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Pentadbiran dan lapan orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Perubatan bertolak ke Arab Saudi dengan menaiki pesawat BI 097 pada sekitar jam 6.45 petang.

Rombongan yang diketuai Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran), Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Ustaz Haji Abdullah bin Haji Mohammad bertolak ke Arab Saudi bagi membuat persiapan-persiapan awal bersama pihak-pihak berkenaan di Arab Saudi mengenai pengurusan hal ehwal haji

sebelum ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam ke Tanah Suci.

Hadir bagi mengucapkan selamat belseyair di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Pemangku Menteri Kesihatan dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir bagi mengucap selamat belseyair ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha

Tetap Kementerian Kesihatan; Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan; dan Yang Mulia Dr Hajah Surita binti Haji Mohammad Taib, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan.

Penerbangan pertama jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi musim haji tahun 1444H/2023M dijadualkan bertolak pada 15 Zulkaedah 1444H bersamaan 04 Jun 2023M. Manakala penerbangan Kedua ialah pada 16 Zulkaedah 1444H bersamaan 5 Jun 2023M. ■

KHEU RAIKAN PELAJAR, GURU CEMERLANG

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PENYAMPAIAN anugerah kepada antara pelajar dan guru cemerlang yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BERAKAS, Selasa, 3 Zulkaedah bersamaan 23 Mei - Seramai 128 pelajar cemerlang dan 43 guru menerima sijil penghargaan masing-masing pada Majlis Penghargaan Pelajar-pelajar dan Guru-guru Cemerlang yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis diadakan bagi meraikan pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dan membanggakan dalam peperiksaan awam yang telah diduduki pada tahun 2022.

Ia adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala dan sebagai pengiktirafan dan insentif kepada pelajar-pelajar yang diraikan atas kecemerlangan yang dicapai, selain itu membarigakan kepada masyarakat mengenai kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar-pelajar persekolahan ugama dan Arab dalam bidang-bidang ugama, Bahasa Arab dan umum.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.



JUGA menerima hadiah bagi pelajar cemerlang ialah cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an daripada pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja (STAR). Acara diteruskan dengan ucapan pengurus majlis, Yang Mulia Ustaz Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pengarah Pengajian Islam. Majlis turut diserikan dengan Persembahan Kalam Jamaie' daripada pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Penyampaian anugerah kepada pelajar-pelajar cemerlang, guru-guru cemerlang dan Madrasah Mutaqaddimah disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman serta Datin.

Turut menerima anugerah pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) tahun 1444H/2022 ialah cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkiah binti Pengiran Haji Mohd Hakimuddin.

GADONG, Ahad, 16 Syawal bersamaan 7 Mei - Dalam mengeratkan lagi silaturrahim dan saling bermaaf-maafan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya 'Aidilfitri Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tahun 1444H/2023M. Majlis diadakan di Lantai Bawah Bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin hadir selaku Tetamu Kehormat majlis bersama tetamu VIP yang lain



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin hadir selaku Tetamu Kehormat majlis bersama tetamu VIP yang lain

di negara ini, khususnya di peringkat kementerian, ianya merupakan salah satu kegiatan sosial berkebajikan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengeratkan hubungan silaturrahim yang lebih mesra dan harmoni sesama warga Kementerian Hal Ehwal Ugama serta menerapkan nilai-nilai yang lebih positif dalam hubungan keluargaan.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berserta Datuk, Yang Mulia Timbalan Menteri



SUASANA Majlis Hari Raya KHEU yang diadakan di Lantai bawah Bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Hal Ehwal Ugama berserta Datuk, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jemputan-jemputan Khas serta pegawai-pegawai kanan turut berdudun ramah mesra dengan berkunjung ke ruang setiap Jabatan/Bahagian/Unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sejurus selepas itu, persembahan Tausyeh sekali lagi dibawakan oleh Kumpulan Belia Masjid Senegara, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta isteri; Setiausaha Tetap di KHEU, Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim serta isteri; Raes Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar serta isteri dan Timbalan Setiausaha Tetap di KHEU, Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang serta isteri, Pengarah-pengarah; Pegawai-pegawai Kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

RAMAH MESRA HARI RAYA 'AIDILFITRI BERSAMA MUALLAF BAGI DAERAH BELAIT

Oleh : Dahlan Chuchu



ACARA penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis dan penaja.

BELAIT, Sabtu, 29 Syawal bersamaan 20 Mei

- Bagi menyambut dan memeriahkan lagi suasana bulan Syawal, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Pejabat Da'wah Daerah Belait dengan kerjasama Persatuan Sinar Islam (PSI) berkenan mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya 'Aidilfitri bersama Muallaf bagi Daerah Belait.

Majlis diadakan di Dewan Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin

Pengiran Haji Hassan, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Mohd Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Hal Ehwal Ugama. Majlis juga turut dihadiri oleh Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah dan Yang Mulia Awang Abdul 'Alim bin Abdullah Igol,

Yang Di-Pertua Persatuan Nurul Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Saiyidul Istighfar dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Md Saifulah bin Abd.

Rahman, Bilal Tingkat II (Khas). Diikuti ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Abdul 'Alim bin Abdullah Igol dan diselanjurkan dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis dan penaja.

Majlis diserikan dengan persembahan lagu-lagu Hari Raya daripada ahli-ahli Persatuan Sinar Islam serta pameran kraftangan dan jualan-jualan Muallafpreneurs daripada para muallaf Daerah Belait.

Tujuan program diadakan adalah untuk mengembangkan dan menyebarkan ajaran dan syiar Islam khususnya di Daerah Belait dengan mengadakan program dan aktiviti yang bermanfaat. Di samping itu, untuk mendedahkan Persatuan Sinar Islam kepada para Muallaf di Daerah Belait dengan menggerakkan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian sebagai pengisian aktiviti persatuan ■



TETAMU kehormat majlis ketika melihat pameran kraftangan dan jualan-jualan Muallafpreneurs daripada para muallaf Daerah Belait.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA BAGO KEPADA SUT KHEU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



SESI bergambar ramai Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Rombongan Bangsamoro Attorney General's Office (BAGO).

BERAKAS, Rabu, 26 Syawal bersamaan 17 Mei

- Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima lawatan daripada Bangsamoro Attorney General's Office (BAGO) diketuai oleh Ahli Parlimen Atty. Sha Elijah B Dumama-Alba, Attorney General of the Bangsamoro Region in Muslim-Mindanao (BARMM) yang telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama di Bilik Wawasan, Tingkat 4, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Unit Perundungan Islam; Yang Mulia Dayang Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi, Pemangku Ketua Bahagian Pendakwa Syar'ie; dan Yang Mulia Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS.

Sejurus itu, sesi taklimat diadakan di Bilik Mawar, Lantai 4, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Taklimat dipengerusikan oleh Yang

Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Unit Perundungan Islam, Unit Perundungan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Delegasi Bangsamoro Attorney General's Office (BAGO) diketuai oleh Ahli Parlimen Atty. Sha Elijah B Dumama-Alba diiringi oleh wakil daripada pegawai-pegawai BAGO, Support Bangsamoro Transition (SUBATRA), United Nations Office for Projects Services (UNOPS) dan Kesatuan Eropah yang dalam rangka lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam selama empat hari dari 15 hingga 17 Mei 2023M.



SESI taklimat diadakan di Bilik Mawar, Lantai 4, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bangsamoro Attorney General's Office (BAGO) dan delegasi mengadakan perjumpaan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama, Mahkamah Syari'ah dan Perkhidmatan Pendakwaan Syar'ie bertujuan untuk mendapatkan pandangan tentang pelaksanaan undang-undang Syar'ah, pembangunan rangka kerja bagi undang-undang, dan proses pendakwaan krisis berkaitan syar'ah ■

RAMAH MESRA HARI RAYA 'AIDILFITRI BERSAMA MUALLAF TEMBURONG

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



TIMBALAN Setiausaha Tetap, KHEU Haji Mohd. Serudin semasa menghadiri majlis ramah mesra 'Aidilfitri di Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong.

TEMBURONG, Rabu, 26 Syawal bersamaan 17 Mei - Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pengembangan Da'wah telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya 'Aidilfitri bersama muallaf di Daerah Temburong. Majlis diadakan di Balai Ibadat Kampung Sibut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah dan Yang Mulia Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok, Yang Di-Pertua Persatuan Saudara Baru Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah oleh Yang Mulia Awang Muhd. Abdul Afiq bin Muhd. Sahari, Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sibut. Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Muhammad

Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok, Yang Di-Pertua Persatuan Saudara Baru Temburong.

Majlis diteruskan dengan bacaan al-Qur'an oleh Awang Mohammad Muhammin bin Muhammad Zulkifli, Pelapis Bilal Balai Ibadat Kampong Sibut. Manakala intisari ayat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Irfan Hamizan bin Abdul Rahim, Pemenang Tempat Ketiga Musabaqah Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Senegara 1443H/2022M.



HAJI Abd. Rajid menyampaikan cenderahati kepada Haji Mohd. Serudin pada majlis 'Aidilfitri PDI di Temburong.

SENTIASA BERISTIGHFAR, MOHON KEAMPUNAN DARI ALLAH

Oleh : Azizah Hidup



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama isteri semasa menghadiri Malam Munajat bersama jemaah lain secara maya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Syawal bersamaan 14 Mei

- Amalan beristighfar dan memohon ampun daripada Allah Subhanahu wa Ta'alaa di bulan Ramadhan hendaklah diteruskan sehingga bila-bila, kerana kita berada di dunia ini untuk sementara, maka dari itu, manfaatkanlah peluang yang diberikan kepada kita untuk bertaubat dan memohon ampun kepada-Nya.

Perkara tersebut antara yang telah disampaikan dalam tazkirah bertajuk 'Taubatnya Abu Nuwas' yang disampaikan oleh Pengasas Kumpulan Al-Busyra, Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Haji Mohammad Ali Wafiuddin bin Haji Osman, bagi menyemarakkan Malam Munajat kali ke-85 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Malam Munajat kali ini mengundang tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas yang memimpin bacaan Saiyidul Istighfar

dan surah al-Fatihah dari Masjid Kampong Putat.

Iikut serta bagi sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut sama mengimarahkan acara Malam Munajat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir dari Masjid Kampong Labu Estate, Temburong.

Juga menyertai, belia-belia Kumpulan Al-Busyra dan Belia Da'ie, Program Keagamaan Belia, PDI; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dari Masjid Kampong Putat, Masjid Kampong Labu Estate dan Masjid Kampong Keriam serta para jemaah daripada 87 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara.

Turut menyertai, warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama

keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Saiyidul Istighfar dan al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Ugama, Unit Pengukuhan Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Samry bin Haji Mohamad Ya'akub dari Masjid Kampong Labu Estate, Temburong.

Manakala, bacaan Doa Munajat oleh Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim dari Masjid Kampong Keriam, Tutong.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan Asma'u'l Husna dipimpin oleh Belia Da'ie, Program Keugamaan Belia, PDI, KHEU, Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, dari Mushalla al-Ameen, PDI.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin dari Masjid Kampong Putat.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan kerohanian dengan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu wa Ta'alaa.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

HUBUNGAN DUA HALA PDI DENGAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN, KDN MALAYSIA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



ROMBONGAN PDI telah menghadiri beberapa siri mesyuarat antaranya, Mesyuarat Bersama Lembaga Penapisan Filem; Mesyuarat bersama Bahagian Penguatankuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri dan Mesyuarat Bersama Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

SELANGOR, MALAYSIA, Rabu, 4 Zulkaedah bersamaan 24 Mei

- Seramai tujuh orang pegawai Pusat Da'wah Islamiah (PDI) berada di Kuala Lumpur, Malaysia untuk menghadiri mesyuarat bagi Hubungan Dua Hala Bahagian Penapisan dan Pameran yang diadakan selama enam hari bermula 21 Mei 2023 sehingga 26 Mei 2023.

Rombongan diketuai oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah PDI. Turut serta, para pegawai dan kakitangan dari Bahagian Penapisan dan Pameran, PDI.

Antara objektif mesyuarat tersebut diadakan adalah untuk membina hubungan dua hala di samping untuk meneroka bidang-bidang bersesuaian

dan amalan-amalan terbaik bagi hubungan kerjasama yang menjurus ke arah kecemerlangan perkhidmatan jabatan dan sumber manusia dinamik demi meluaskan rangkaian dan mengeratkan hubungan antara Bahagian Penapisan dan Pameran, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Negara Brunei Darussalam dengan Bahagian Penguatankuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

Mesyuarat seumpama ini dihasrat akan dapat memberikan ilmu dan perkongsian yang baik kepada pihak PDI, khususnya Bahagian Penapisan dan Pameran dalam menjalankan tugas-tugas penapisan.

Sepanjang program lima hari tersebut, rombongan PDI telah menghadiri

beberapa siri mesyuarat antaranya, mesyuarat bersama Lembaga Penapisan Filem, yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia, Dato' Haji Mohd Dusuki bin Haji Yaacob, selaku Penggerusi Lembaga Penapisan Filem (LPF); mesyuarat bersama Bahagian Penguatankuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr. Mohd Zamir bin Bahall selaku Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Regulatori Al-Qur'an dan Hadith; dan mesyuarat bersama Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM.

Rombongan PDI diiringi oleh Yang Mulia Encik Mohd Shafizal bin Abdul Hameed, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Restu dan Nasyrul Quran.

Antara pengisian perjumpaan termasuk pengenalan ringkas Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor dan lawatan ke galeri-galeri yang terdapat di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor, seperti Galeri Mushaf, Galeri Mahabbah Al-Haramain dan Galeri Rehlah Nabawiyah.

Rombongan juga berkesempatan membuat kunjungan muhibbah kepada Tuan Yang Terutama, Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia. Kunjungan diakhiri dengan penyerahan cenderahati berupa Mushaf Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama.

Mesyuarat Hubungan Dua Hala Bahagian Penapisan dan Pameran

PDI dengan Malaysia selama enam hari ini diakhiri dengan perjumpaan yang diadakan di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor (Yayasan Restu), Shah Alam dan Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya pada Khamis, 5 Zulkaedah 1444H bersamaan 25 Mei 2023M.

Rombongan PDI diiringi oleh Yang Mulia Encik Mohd Shafizal bin Abdul Hameed, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Restu dan Nasyrul Quran.

Antara pengisian perjumpaan termasuk pengenalan ringkas Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor dan lawatan ke galeri-galeri yang terdapat di Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor, seperti Galeri Mushaf, Galeri Mahabbah Al-Haramain dan Galeri Rehlah Nabawiyah.

Rombongan juga berkesempatan membuat kunjungan muhibbah kepada Tuan Yang Terutama, Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia. Kunjungan diakhiri dengan penyerahan cenderahati berupa Mushaf Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama.

■

BENGKEL SYAHADAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

PULAIIE, Sabtu, 29 Syawal bersamaan 20 Mei – Seramai 50 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah telah mengikuti Bengkel Syahadah yang diadakan selama 3 hari bermula pada 8 Mei dan berakhir pada 10 Mei yang lalu.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Bengkel Syahadah bagi pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah telah berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah di Kampong Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Pengiran Aziman bin Pengiran Rakawi. Diikuti dengan ucapan daripada wakil peserta bengkel, Yang Mulia Awang Haji Hazimin bin Haji Metali, Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong dan ucapan dari tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan penyerahan Resolusi Bengkel kepada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah



TETAMU kehormat majlis menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta bengkel.

dan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel.

Antara objektif bengkel diadakan adalah untuk memberikan pendedahan mengenai pengetahuan Syahadah kepada para pegawai Pusat Da'wah Islamiah dan mengetahui dengan sebenar-benarnya kalimah Syahadah yang digunakan dan dilafazkan bagi setiap yang memeluk agama Islam sesuai dengan hukum. Di samping itu, meningkatkan kefahaman dan kewibawaan para pegawai Pusat Da'wah Islamiah dalam melaksanakan pengislaman dan segala yang berkaitan dengannya.

Bengkel ini diharapkan dapat menambah kefahaman dan pengetahuan yang sedia ada serta memberikan kemahiran tentang Syahadah dalam pengislaman. Dihasilkan bengkel ini juga dapat memberi manfaat dan seterusnya diterapkan dalam tugas yang dilaksanakan. ■



PESERTA bengkel bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

16 MUALLAF SERTAI KURSUS BIMBINGAN ASAS PERSEDIAAN HAJI

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



HAJI Abd. Rajid menyerahkan sijil kepada peserta kursus.

PULAI, Isnin, 9 Zulkaedah bersamaan 29 MEI

- Kursus Bimbingan Asas Persediaan Haji bagi Muallaf berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil serta Doa Kesukuran Kursus Bimbingan Asas Persediaan Haji bagi Muallaf Tahun 1444H / 2023M berlangsung di Dewan Mau'izzah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Kursus bimbingan tersebut telah disertai oleh 16 orang peserta terdiri daripada tiga orang lelaki dan 13 orang perempuan.

Para peserta skim merupakan penerima tambang haji kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi muallaf tahun 1444H/2023M.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta ialah Pengarah PDI, Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Beliau dalam ucapan alu-aluannya berpesan kepada bakal jemaah haji muallaf agar merebut peluang keemasan menjadi 'Dhuyufur

Rahman' iaitu tetamu Allah dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā dengan memperbanyakkan amal ibadat ketika berada di Tanah Suci.

Beliau turut menasihatkan bakal jemaah haji supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan membuat persediaan ketahanan fizikal dan mental mahupun spiritual serta menjaga kesihatan terutama dalam menghadapi cuaca yang agak panas.

Beliau turut mengingatkan bahawa keberangkatan untuk menjelaskan kaki di tanah suci Mekah mahupun Madinah bukanlah 'satu percutian' jangka panjang. Sebaliknya ia kesempatan terbaik untuk 'abis kita' bakal-bakal jemaah haji 'dilahirkan semula' sebagai hamba-Nya yang bertaqwa.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh penuntut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Latihan Industri, Awang Muhammad Najib Safwan bin Awang Mohd. Husaineh.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah dan sijil, diikuti dengan bacaan doa selamat oleh penuntut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Latihan Industri, Awangku Army Afdiezel Hakimie bin Pengiran Apni.

Kursus yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf), bertujuan untuk memberi bimbingan, kefahaman dan tunjuk ajar mengenai manasik haji serta hukum-hakam mengenainya dengan hasrat dapat membantu bakal-bakal jemaah haji muallaf yang terpilih untuk menunaikan ibadat fardhu haji dengan sempurna dan beroleh haji yang mabrur. ■



ANTARA peserta yang mengikuti kursus tersebut.

SKIM BIMBINGAN LANJUTAN I MUALLAF SIRI KE-107 (LELAKI)

Oleh : Azizah Hidup



ANTARA peserta yang hadir semasa Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri ke-107 berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Zulkaedah bersamaan 30 Mei

- Seramai 66 orang peserta menyertai Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri ke-107 (lelaki) kendalian Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Unit-Unit Da'wah Daerah Belait, Tutong dan Temburong. Skim tersebut diadakan secara serentak di keempat-empat daerah selama 14 hari bermula dari 23 Mei hingga 8 Jun.

Antara objektif skim ini diadakan adalah sebagai bimbingan kepada

para muallaf untuk meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan ugama Islam terutama dalam ibadat sembahyang, aqidah dan akhlak.

Pengisian dalam skim berkenaan antaranya, termasuk Tauhid, Fiqh Solat, Fiqh Haji, Fiqh Munakahat, Tasawwuf, Muqaddam, Amali, Sejarah Islam dan Kefahaman Keluarga.

Di samping itu, dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan muallaf, Pusat Da'wah Islamiah juga telah menyediakan beberapa

program bimbingan khusus untuk muallaf iaitu Bimbingan Pengenalan Islam, Bimbingan Bergerak, Skim Bimbingan Asas, Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II.

Para muallaf juga boleh mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf pada setiap hari Jumaat bagi Daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong. Manakala bagi Daerah Belait dan Temburong adalah mengikut jadual yang disediakan. ■



SKIM tersebut diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.



يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحَقُّ يُقَاتَلُ فَلَا تَوْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٦﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang beriman! Bertaqwah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam.

(Surah Aali-'Imraan ayat 102)



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023

45.72%
16
Orang

Brunei Muara
Dewasa Kanak-Kanak
4 2
9 1

37.14%
13
Orang

Tutong
Dewasa Kanak-Kanak
6 -
7 -

Bagi Bulan
MEI
35

Jumlah Keseluruhan
JAN-MEI 2023
158 Orang


6
Orang

Belait
Dewasa Kanak-Kanak
1 -
5 -

17.14%
0
Orang

Temburong
Dewasa Kanak-Kanak
- -
- -

Features



Sharifah Khadijah
Hussein Alkaff

WORK AND BUSINESS ETHICS

Working Muslim women meet people from all walks of life with various personalities and people who practise various ethical norms. Sometimes bosses and co-workers engage in unethical behaviour and the Muslim colleague may be pressured to do the same. Islam teaches Muslims to honour contracts and obligations. In Surah al-Maa'idah:1 Allah Subhanahu wa Ta'ala says in meaning:

O you who have believed, fulfill (your) obligations.

It is therefore absolutely *Haraam* (unlawful) for the Muslim to lie, cheat or be dishonest in business dealings.

Treating issues of backbiting and slander with indifference is serious because it is a great sin, as evident in Surah an-Nuur:15 meaning:

When you received it with your tongues and uttered it with your mouths that for which you had no

knowledge, and you considered it to be an easy matter, while it was a grievous thing in the Sight of Allah.

WHAT'S AT RISK?

When a Muslim woman, a wife and mother leaves her home and her young children for six to eight hours daily, certain things are surely put at risk.

Firstly, let's look at the Muslim woman herself and the qualities she is supposed to possess according to Islam. Dr. Muhammad Ali Al-Hashimi has researched and listed 43 characteristics of the Ideal Muslimah, as defined in the Qur'an and Sunnah and these are:

- She is truthful
- She does not cheat, deceive or stab in the back
- She is not envious
- She is sincere
- She keeps her promises
- She has a good attitude towards others and treats them well
- She is characterized by shyness
- She is gentle towards people
- She is compassionate and merciful
- She is tolerant and forgiving
- She is easy-going in her business dealings
- She is of cheerful countenance
- She has a sense of humor
- She is patient
- She avoids cursing and foul language
- She does not falsely accuse anyone of *fisq* (transgression) or *kufr* (blasphemy)
- She is modest and discreet
- She does not interfere in that which does not concern her
- She refrains from backbiting and slander
- She avoids giving false statements
- She avoids suspicion
- She keeps secrets
- She does not converse privately with another when there is a third person present
- She is not arrogant or proud
- She is humble and modest
- She does not make fun of anyone
- She respects elders and distinguished people
- She mixes with people of noble character
- She strives for people's benefits and seeks to protect them from harm
- She strives to reconcile between Muslims
- She calls people to truth
- She is wise and eloquent in her da'wah (Islamic Propagation)
- She is not a hypocrite
- She does not show off or boast
- She is straight forward and consistent in her adherence to the truth
- She visits the sick
- She repays favors and is grateful for them
- She mixes with people and puts up with their insults
- She tries to make people happy
- She guides others to righteous deeds
- She is easy on people, not hard

Amalan-amalan **SUNAT** dilakukan pada **1 Syawal**

- ➊ Menghidupkan malam hari raya dengan berzikir, bertakbir, bertahmid, berdoa dan beristighfar dan juga bersedekah.
- ➋ Mengerjakan Sembahyang Sunat 'Aidilfitri secara berjemaah atau bersendirian.
- ➌ Sunat makan sebelum Sembahyang Hari Raya 'Aidilfitri.
- ➍ Sunat mandi sebelum sembahyang.
- ➎ Memakai pakaian yang cantik.
- ➏ Mengucapkan (تَبَّأْلَ اللَّهُ مِنَ الْمُنْكَرِ) Semoga Allah menerima daripada kita (amal ibadat) dan menerimanya daripada kamu.



Abhar Habri

أَبْهَرْ حَبْرِي

Yang Sangat Cerah,
Kegembiraan

Luthfi Mardhiy

لطفي مرضي

Kesopananku,
Yang Diredhai

Mazizul Akmal

مَزِيزُ الْأَكْمَلِ

Yang Mulia,
Yang Sempurna

NAMA-NAMA **ISLAMI** untuk anak damit



Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma, Rasullullah Shallallahu 'alaiki wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya nama-nama yang paling disukai Allah ialah 'Abdullah dan 'Abdur Rahman."



'HAYATI KEINDAHAN, KESUCIAN HARI RAYA'

"Kita merayakan Hari Raya tidak sama dengan orang lain merayakan Hari Raya. Kita merayakan Hari Raya tetapi terikat kepada ugama. Ketika berhari raya, kita tidak boleh meninggalkan atau terlepas dari kewajipan sembahyang, ketika berhari raya kita juga tidak boleh terlalu laalai atau asyik sehingga terjebak kepada dosa."

Inilah unik dan sucinya Hari Raya kita. Mula-mula perayaan dibuka ialah dengan takbir, dengan kalimat suci "ALLAHU AKBAR", dan kemudian dengan tahlil "LA ILAHA ILLALLAH", dan ditutup pula sekali lagi dengan "ALLAHU AKBAR" dan "WALILLAHIL HAMD".


Kemudian kita bergerak ke masjid untuk terus melakukan takbir dan seterusnya sembahyang sunat Hari Raya. Lihatlah, betapa suci dan indahnya Hari Raya kita. ,"

| Program Keugamaan Belia |

AKADEMI DA'WAH 4.0

Pendaftaran Akademi Da'wah 4.0 anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan kerjasama Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dibuka kepada orang ramai bermula pada 29 April sehingga 21 Mei.

Program Akademi Da'wah 4.0 pada kali ini memberi fokus kepada Da'wah Digital dan kontemporari bertemakan "Impact Driven Da'ie Reviving Our Society" (Da'ie berimpak, membangun Masyarakat).



Objektif Program

- Melahirkan golongan penda'wah muda atau barisan pelapis da'ie yang akan dapat memastikan keberlangsungan da'ie teras,
- Menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan berda'wah dengan cara yang betul dan sebagai didikan/tarbiyah bagi peserta,
- Melahirkan da'ie yang dapat melaksanakan da'wah di dalam bidang masing-masing berteraskan kefahaman al-Qur'an yang maksima dan digital-friendly.
- Memastikan golongan penda'wah muda mengetahui isu-isu kontemporari dan bagaimana menanganinya.
- Sebagai pendedahan (awareness) kepada orang awam mengenai penubuhan belia da'ie sebagai wadah untuk berda'wah khususnya golongan muda.

KURNIA TAMBANG HAJI KEPADA 16 SAUDARA BAHARU

Oleh : Azizah Hidup



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan wang saku kepada saudara baharu yang bakal menunaikan haji pada tahun ini.

BERAKAS, Isnin, 9 Zulkaedah bersamaan 29 Mei - Seramai 16 saudara baharu (Muallaf) terpilih dan memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan kurnia tambang haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Penyerahan Bayaran Pakej Haji kepada Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. serta Penyampaian Wang Saku kepada muallaf yang terpilih.

Majlis ini merupakan usaha yang berterusan pihak kementerian bagi memantapkan lagi keimanan dan penghayatan Islam saudara-saudara baharu dan seterusnya memberikan peluang kepada mereka untuk menunaikan ibadat haji pada musim haji tahun ini.

Hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Multaqah, KHEU dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bayaran pakej kepada wakil Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

dan Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. dan penyampaian agihan wang saku kepada seramai 16 orang saudara baharu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam.

Para penerima dikurniakan tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut kadar yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan iaitu sebanyak BND4,500.00 tiap-tiap seorang.

Tiap-tiap seorang dari mereka juga diberikan sebanyak BND15,100.00 bagi mencukupkan bayaran pakej-pakej yang mereka pilih dan perbelanjaan ini diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf. Tiap-tiap seorang dari mereka juga diberikan wang saku sebanyak BND2,000.00 bagi perbelanjaan persendirian yang mana perbelanjaan ini juga diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf.

Pemilihan saudara-saudara baharu yang akan menunaikan fardhu haji ini adalah melalui sesi temu duga dan berdasarkan garis pandu mengenainya yang telah disediakan oleh Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam. █



SESI bergambar ramai bersama bakal jemaah haji muallaf.